

# KOLEKSI UCAPAN PERDANA MENTERI 2014



923

KOLEKSI  
UCAPAN  
PERDANA MENTERI  
2014

**MEMBINA ASPIRASI  
MELAKSANA TRANSFORMASI**

PUSTAKA PERDANA



1010722

#227525



ISBN 978-983-54-0591-4

Cetakan Pertama 2015

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang dalam apa juga bentuk dan dengan apa jua cara, baik elektronik, fotokopi, mekanik, mahupun lain-lain, mana-mana bahagian, ilustrasi atau kandungan buku ini sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.



**PENASIHAT**  
**Dato' Haji Ibrahim Bin Abdul Rahman**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Penerangan Malaysia

**SIDANG REDAKSI**  
Ketua Editor  
**Masnoor bin Ashaari**

Editor  
**Ku Noor Azian binti Ku Azizan**

Penyelaras  
**Rozer bin Masudin**  
**Syed Hisham Shah bin Syed Hilmi**

Foto  
**Unit Fotografi**  
**Bahagian Komunikasi Visual**  
**dan Seni Reka**  
**Cawangan Pusat Sumber dan Foto**  
**Jabatan Penerangan Malaysia**

Diterbitkan oleh:  
**Bahagian Penerbitan Dasar Negara**  
**Jabatan Penerangan Malaysia**  
Aras 12, No. 49, Kompleks Kementerian  
Komunikasi dan Multimedia Malaysia  
Persiaran Perdana, Persint 4,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62100 Putrajaya  
Tel : 03-8911 3440  
Faks : 03-8911 4957  
E-mel : [webmaster@inform.gov.my](mailto:webmaster@inform.gov.my)  
Laman Sesawang : [www.penerangan.gov.my](http://www.penerangan.gov.my)

B.034(B.M) November 2015 (002.)

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Koleksi Ucapan Perdana Menteri 2014:  
MEMBINA ASPIRASI MELAKSANA TRANSFORMASI  
ISBN 978-983-54-0591-4  
1. Mohd. Najib Tun Haji Abdul Razak, Dato' Sri, 1953-.  
2. Speeches, addresses, etc. 3. Prime ministers--Malaysia--Quotations.  
I. Masnoor Ashaari. II. Ku Noor Azian binti Ku Azizan.  
III. Malaysia. Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Jabatan Penerangan  
089.9923

Dicetak oleh  
**Johan Interlink Sdn. Bhd.**

089.9923  
KOL





## **RUKUN NEGARA**

**BAHAWASANYA NEGARA KITA MALAYSIA**  
mendukung cita-cita hendak:

Mencapai perpaduan yang lebih erat dalam kalangan  
seluruh masyarakatnya;

Memelihara cara hidup demokrasi;

Mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran  
negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama;

Menjamin satu cara liberal terhadap tradisi-tradisi  
kebudayaannya yang kaya dan pelbagai corak;

Membina satu masyarakat progresif yang akan  
menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan  
seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut  
berdasarkan prinsip-prinsip yang berikut:

- **KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN**
- **KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA**
- **KELUHURAN PERLEMBAGAAN**
- **KEDAULATAN UNDANG-UNDANG**
- **KESOPANAN DAN KESUSILAN**

## KANDUNGAN

7

PERUTUSAN  
MENTERI KOMUNIKASI DAN  
MULTIMEDIA MALAYSIA

9

PERHIMPUNAN BULANAN JPM  
JANUARI 2014

15

PERBARISAN DAN  
PERHIMPUNAN SAMBUTAN  
PERINGATAN  
HARI POLIS KE-207

23

MAJLIS PERASMIAN  
MINGGU SAHAM AMANAH  
MALAYSIA 2014

33

MAJLIS PELANCARAN LAPORAN  
TAHUNAN PROGRAM TRANSFORMASI  
KERAJAAN (GTP) DAN PROGRAM  
TRANSFORMASI EKONOMI (ETP)

59

PERASMIAN MAJLIS TILAWAH  
AL-QURAN PERINGKAT  
KEBANGSAAN KALI KE-57 TAHUN  
1435H/2014M

67

PENYAMPAIAN ANUGERAH  
PERDANA BELIA  
DAN NEGARA SEMENA  
HARI BELIA NEGARA 2014

77

MAJLIS PERASMIAN  
PENUBUHAN KUMPULAN  
USAHAWAN PUNB DAN SEMINAR  
USAHAWAN AUTOMOTIF

85

PERSIDANGAN ANTARABANGSA  
PENGAJIAN MELAYU  
2014:HUBUNGAN MALAYSIA-CHINA

97

PERUTUSAN  
HARI RAYA AIDILFITRI 2014

105

UCAPAN BAJET TAHUN 2015

157

TEKS UCAPAN PEMBENTANGAN  
KERTAS PUTIH KE ARAH MENANGANI  
ANCAMAN KUMPULAN  
ISLAMIC STATE

167

UCAPAN DASAR PRESIDEN  
UMNO SEMPENA PERHIMPUNAN  
AGUNG UMNO KALI KE-65  
TAHUN 2014

186

SINGKATAN ISTILAH  
DAN AKRONIM

Membina Aspirasi  
Melaksana Transformasi

6



PERUTUSAN MENTERI

SENATOR DATUK SERI PANGLIMA DR. MOHD SALLEH  
BIN TUN SAID KERUAK  
Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia



Dengan penerbitan Buku Koleksi Ucapan Perdana Menteri ini, jelas menunjukkan kesungguhan Jabatan Penerangan Malaysia dalam meneruskan kelangsungan menerbitkan koleksi ucapan YAB Perdana Menteri saban tahun. Tahniah diucapkan kepada Jabatan Penerangan Malaysia kerana sentiasa cemerlang dalam merakamkan setiap ucapan YAB Perdana Menteri Malaysia yang akan menjadi catatan sejarah negara bagi menuju ke arah negara maju menjelang tahun 2020.

Bersandarkan kepada amanat Perdana Menteri dalam memacu Negara ke arah transformasi, maka tajuk yang dipilih pada tahun ini, **'MEMBINA ASPIRASI MELAKSANA TRANSFORMASI'**. Pihak kerajaan amat komited dalam melaksanakan segala perancangan transformasi yang telah diatur untuk rakyat Malaysia. Dasar-dasar kerajaan seperti pelaksanaan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) telah mencapai suatu tahap yang amat memberangsangkan. Oleh itu, penerbitan buku ini jelas untuk bacaan, rujukan serta kajian masyarakat secara amnya.

Buku koleksi ucapan ini juga amat bermanfaat dalam melihat dari segenap sudut mengenai peristiwa penting yang berlaku di sepanjang tahun 2014. Program-program yang telah dilaksanakan seperti Majlis Perasmian Penubuhan Kumpulan Usahawan PUNB dan Seminar Usahawan Automotif, Persidangan Antarabangsa Pengajian Melayu 2014: Hubungan Malaysia – China, Pembentangan Bajet Tahun 2014 dan yang lain-lain amat dekat dengan rakyat. Maka disinilah peranan kita bagi merekodkan segala peristiwa untuk dijadikan sebagai catatan sejarah negara di masa hadapan.

Saya berharap agar seluruh rakyat Malaysia bersama-sama berganding bahu untuk membawa negara ini maju di bawah pimpinan YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Razak sebagai Perdana Menteri Malaysia. Terima kasih diucapkan kepada Jabatan Penerangan Malaysia yang sentiasa komited dalam menghasilkan buku ini. Semoga koleksi teks ucapan YAB Perdana Menteri ini akan memberi manfaat dan rujukan kepada semua.

Membina Aspirasi  
Melaksana Transformasi



PERHIMPUNAN BULANAN JPM  
JANUARI 2014

---

Pejabat Perdana Menteri  
6 JANUARI 2014

Dalam usaha untuk menyaksikan ekonomi negara tumbuh secara mampan, mana-mana negara yang sanggup melakukan pembaharuan terhadap ekonomi mereka sama ada melalui perubahan struktural mahupun pembaharuan daripada segi dasar yang tepat serta dikemaskini daripada semasa ke semasa, maka sedikit sebanyak reaksi positif dapat dilihat.

10 Perdana Menteri YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak mengucapkan selamat menyambut Tahun Baru khususnya kepada semua penjawat-penjawat awam dan berharap agar dapat menambahkan lagi azam dan tekad untuk menjadikan tahun 2014 lebih berjaya daripada tahun-tahun sebelum ini.

Tahun 2014 menyaksikan pada senario dunia terutama sekali dalam konteks andaian, terdapat kawasan-kawasan tertentu menghadapi masalah ekonomi yang agak kritikal seperti misalnya kawasan Euro Zone. Walaupun krisis yang genting sudah berlalu tetapi negara-negara dalam Euro Zone akan melalui dekad yang mana pertumbuhan ekonomi mereka akan berlaku pada tahap yang sangat rendah. Malah ada yang menyifatkan dekad akan datang ini bagi Eropah sebagai "*Lost Decade*".

Bagi negara Jepun pula, mereka mengalami ekonomi yang disifatkan sebagai "*stagnating*" selama 20 tahun, hinggalah Perdana Menteri Shinzo Abe dengan "*Abenomics*"nya, melaksanakan program "*reforms*" berdasarkan pada prinsip "*Three Arrows*", barulah ekonomi Jepun menunjukkan tanda-tanda positif. Begitu juga senario yang dihadapi oleh Negara China. Biarpun dianggap sebagai "*the engine of growth*" untuk ekonomi global, China tidak mungkin dapat mencapai 9 hingga 10 peratus pertumbuhan setahun, melainkan mereka sanggup melakukan pembaharuan ataupun "*reforms*" yang menyeluruh dalam sistem ekonomi mereka.

Dalam usaha untuk menyaksikan ekonomi negara tumbuh secara mampan, mana-mana negara yang sanggup melakukan pembaharuan terhadap ekonomi mereka sama ada melalui perubahan struktural mahupun pembaharuan daripada segi dasar yang tepat serta dikemaskini daripada semasa ke semasa, maka sedikit sebanyak reaksi positif dapat

dilihat. Reaksi ini akan turut dialami oleh Malaysia. Namun sekiranya pembaharuan tidak dilakukan, baik pembaharuan struktural mahupun pembaharuan strategik, maka Malaysia akan mengalami keadaan di mana ekonomi Negara akan tumbuh perlahan dan mustahil untuk negara mencapai kadar pertumbuhan 5 hingga 6 peratus seperti yang dihasratkan.

Kerajaan sentiasa komited dalam memacu pertumbuhan ekonomi negara sejajar dengan persekitaran ekonomi yang sentiasa berubah. Bagi sebuah negara yang berdaya saing, perubahan haruslah dilakukan dan perubahan tersebut telah pun digariskan dalam agenda dan Dasar Transformasi Negara. Matlamat utama adalah untuk mencapai status negara maju dalam tempoh masa yang semakin pendek.

Negara tidak mampu untuk lari daripada landasan ini dan perubahan ini perlu dilakukan dengan mengambil kira pandangan semua supaya tidak melaksanakan sesuatu yang membebankan rakyat. Apa jua dasar negara, umpamanya melakukan rasionalisasi subsidi, bukan bererti bahawa negara menghapuskan subsidi secara mengejut. Dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM49 bilion subsidi dan insentif sebanyak RM42 bilion, jelas menunjukkan kerajaan cukup prihatin terhadap beban rakyat, tetapi keadaan seperti ini tidak boleh kita teruskan kerana tidak mampan. Cuma cara kerajaan mengurangkan beban ini atau mengurangkan subsidi ini adalah secara berperingkat-peringkat.



Tahun 2014 merupakan tahun di mana negara akan melaksanakan segala ketetapan yang telah dilaksanakan.



Najib yakin dan percaya apabila ekonomi negara lebih kukuh, hasil akan menjadi lebih mantap, maka projek pembangunan boleh ditambah, kemudahan dan segala-gala kebajikan untuk penjawat-penjawat awam dan pelbagai golongan lain boleh dipertimbangkan dari semasa ke semasa. Namun ini semua mestilah berasaskan kepada sebuah ekonomi yang kukuh dan mantap.

Najib menjelaskan, apa-apa yang telah disebutkan termasuk juga Aku Janji semasa pilihanraya, hasrat untuk menentukan peningkatan kesejahteraan rakyat, ekonomi negara yang tumbuh 5 peratus ataupun lebih setahun dan perubahan-perubahan yang bersifat strategik, umpamanya pembangunan modal insan yang merupakan salah satu faktor yang amat penting kalau hendak mencapai status negara maju haruslah dilaksanakan tanpa sebarang kompromi. Tahun 2014 merupakan tahun di mana negara akan melaksanakan segala ketetapan yang telah dilaksanakan.

Dalam pada itu sebagai sebuah negara, Malaysia ini mempunyai pelbagai keunikan. Tentu sekali perkara yang selalu disebut ialah “*multi-culturism*”, “*multi-religious society*” dan “*multi-lingual society*”, ini kekal dalam keadaan yang aman dan harmoni.

Keadaan ini perlu diberi perhatian supaya tidak ada isu yang berbangkit dari semasa ke semasa yang mana isu ini boleh menggugat keadaan harmonis yang selama ini kita telah kecapai, yang selama ini menjadikan Malaysia terkenal di seluruh dunia.

Ketika bertemu dengan pemimpin-pemimpin luar negara, mereka berbangga malah mereka melihat suatu yang agak mereka kagumi, yakni bagaimana Malaysia boleh mengekalkan keadaan seperti ini, meskipun kita menghadapi keadaan kepelbagaian yang begitu kompleks.

Maka apabila ada sesuatu isu yang berbangkit, kita harus menanganinya bukan dengan perasaan dan emosi, tetapi dengan kematangan dan ketenangan berdasarkan pada penyelesaian yakni berasaskan kepada “*rule of law*” dan “*dialogue engagement*” dengan semua pihak. Apabila kita boleh duduk semeja, berbincang dan mencari penyelesaian, maka kita dapat mengurangkan sebarang ketegangan yang boleh timbul atas apa-apa isu yang berbangkit dari semasa ke semasa.

Najib juga menegaskan bahawa tidak ada gunanya kalau kita berbangga dengan kejayaan kita tetapi salah satu daripada tiang seri negara kita ini kita biarkan hancur lebur. Maknanya segala-galanya yang telah kita bina selama ini tidak membawa erti sama sekali. Najib berharap agar kita teruskan kejayaan kita di tahun 2014 ini. Di samping itu, kita juga harus menjaga apa yang telah kita kecapai, apa yang telah kita warisi selama ini sebagai suatu nilai yang cukup tinggi kepadanya.

Selamat menjalankan tugas dan InsyaAllah kita akan terus menjadikan negara Malaysia ini lebih berjaya lagi.

Membina Aspirasi  
Melaksana Transformasi



PERBARISAN DAN  
PERHIMPUNAN  
SAMBUTAN PERINGATAN  
HARI POLIS KE 207

---

**PULAPOL, Jalan Semarak**  
25 MAC 2014

Penjenamaan semula PDRM atau rebranding melalui tema '*Komuniti Sejahtera Komitmen Kami*' diharap akan dapat terus diselami dan dipraktikkan oleh seluruh warga PDRM, terutama di dalam mendekatkan lagi hubungan dengan masyarakat.



Bermula dari zaman darurat, membawa kepada era konfrantasi, Tragedi 13 Mei, era insurgency dan terkini perang terhadap keganasan, tuan-tuan dan puan-puan serta pendahulu telah dengan setia dan tanpa ragu-ragu menyambut panggilan pertiwi tercinta.

Sesungguhnya, negara tercinta Malaysia tidak mungkin berada pada kedudukan hari ini iaitu sebagai sebuah negara perindustrian moden berpendapatan sederhana tinggi tanpa keamanan dan kestabilan yang dimungkinkan oleh pengorbanan mulia para patriot dari Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia.

PERBARISAN DAN PERHIMPUNAN  
SAMBUTAN PERINGATAN HARI POLIS KE-207  
PULAPOL, JALAN SEMARAK • 25 MAC 2014

## KOMUNITI SEJAHTERA, KOMITMEN KAMI

Penjenamaan semula PDRM atau *rebranding* melalui tema 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami' diharap akan dapat terus diselami dan dipraktikkan oleh seluruh warga PDRM, terutama di dalam mendekatkan lagi hubungan dengan masyarakat.


Pengekalan tema Hari Polis ini merupakan langkah yang tepat kerana ia merupakan cerminan peranan pasukan polis terhadap masyarakat. Penjenamaan semula PDRM atau *rebranding* melalui tema 'Komuniti Sejahtera Komitmen Kami' diharap akan dapat terus diselami dan dipraktikkan oleh seluruh warga PDRM, terutama di dalam mendekatkan lagi hubungan dengan masyarakat. Perkara-perkara seperti kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran, ketenteraman awam dan keharmonian merupakan tanggungjawab pihak polis. PDRM juga berperanan dalam memastikan setiap individu dipelihara oleh undang-undang dan sistem keadilan. Walaupun begitu, tugas-tugas pencegahan jenayah tidak seharusnya diletakkan di bahu PDRM semata-mata. Setiap individu di dalam masyarakat atau komuniti juga seharusnya memainkan peranan dalam mencegah berlakunya jenayah. Usaha dan matlamat bagi menurunkan kadar jenayah perlulah digembleng bersama.

## OPERASI CANTAS KHAS

Kerajaan juga ingin mengucapkan tahniah kepada PDRM di atas Operasi Cantas Khas yang mula dijalankan pada 17 Ogos 2013. Pendekatan yang diamalkan melalui Operasi Cantas Khas ini didapati sangat berkesan dan efektif dalam mengurangkan kadar jenayah serta mengawal aktiviti kumpulan kongsi gelap di seluruh negara. Sehingga penghujung 2013, Operasi Cantas Khas ini telah berjaya menurunkan kadar indeks jenayah sebanyak 6.16 peratus.



ISBN 978-983-54-0591-4



9 789835 405914

CERTIFIED TO ISO 9001:2008  
CERT. NO. MY-AR5240